



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**19 November 2023
05 Jamadilawal 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Perahu ditarik ke darat sempena musim tengkujuh
Harian Metro	• Harga kembong, siakap, bawal alami penurunan
Kosmo !	• Nelayan mula tarik perahu ke darat hadapi tengkujuh
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		10 19.11.2023

Nelayan mula tarik perahu ke darat hadapi tengkujuh

KOTA BHARU – Lebih 100 nelayan di Pantai Sabak, di sini mula menyimpan perahu kolek masing-masing selepas air di kawasan tersebut semakin pasang ekoran hujan lebat sejak malam kelmarin.

Kebanyakan nelayan terpaksa berjaga sepanjang malam selepas mendapati air mula pasang bermula pukul 9 malam.

Ketua Nelayan Tanjung Kuala Sabak, Nik Ruzullaili Nik Yusof, 43, berkata, sebanyak 30 perahu kolek dan bot fiber mula ditarik secara bergotong royong bermula pukul 9 pagi semalam.

Menurutnya, nelayan kebiasaannya akan menyimpan pe-

rahu kolek mereka pada penghujung November, tetapi air dilihat pasang lebih awal pada musim tengkujuh kali ini.

“Semua nelayan yang juga pemilik perahu kolek menyedari air mula pasang dan keadaan itu berkemungkinan akan berterusan sehingga akhir tahun ini.

“Sekiranya perahu lambat ditarik, ia akan dimasuki air dan perahu mereka akan tenggelam,” katanya ketika ditemui di Kampung Pulau Gajah, Sabak, di sini semalam.

Nik Ruzullaili memberitahu, kebanyakan nelayan sudah tidak ke laut sejak dua minggu lalu dan dijangka turun kembali pada



NELAYAN bergotong-royong menarik perahu kolek mereka ke darat di kawasan Pantai Sabak, Kota Bharu semalam. – ROHANA MOHD. NAWI

Februari tahun depan.

Katanya, nelayan akan melakukan kerja membaiki, mengecat bot dan menjahit pukut sebagai persiapan selepas tamat musim tengkujuh.

Seorang nelayan, Zakaria Abdullah, 63, berkata, dia mula menarik perahunya malam kelmarin selepas mendapati air pasang.

“Rata-rata nelayan bersepakat berjaga dan memantau keadaan kerana bimbang bot mereka akan tenggelam.

“Bermula bulan ini, semua nelayan mula berehat dan mengharapkan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300 sebulan,” katanya.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	19	19.11.2023

Perahu ditarik ke darat sempena musim tengkujuh

Kota Bharu: Menjelang musim tengkujuh, nelayan di Kampung Pulau Gajah, di sini mula menaikkan perahu kolek ke darat berikutan mereka sudah tidak boleh turun ke laut.

Sebanyak 30 perahu kolek milik nelayan ditarik naik ke darat untuk kerja membaiki dan mengecat sepanjang tiga bulan aktiviti menangkap ikan tidak dapat dilakukan.

Ketua nelayan Tanjung Kuala Sabak, Nik Ruzullaili Nik Yusof, 43, berkata sejak jam 9 pagi semalam, kira-kira 100 nelayan bergotong-royong menarik perahu kolek walau dalam keadaan hujan lebat.

"Setiap hujung tahun iaitu memasuki musim tengkujuh, semua perahu kolek dinaikkan ke darat untuk kerja membaiki serta membaiki kerana nelayan tidak dapat turun ke laut sepanjang tempoh itu.

"Malam tadi (kelmarin) ber-

laku air pasang besar dan sudah tiba waktunya untuk perahu kolek dinaikkan dan untuk kerja ini, kami akan cuba selesaikan dalam masa sehari," katanya ketika ditemui, di sini semalam.

Setiap sebuah perahu kolek ditarik menggunakan tali oleh kira-kira 20 nelayan beralaskan batang pokok rhu yang dipotong pendek bagi membolehkan kolek bergerak sebehum 'diparkir' di kawasan lapang.

Nik Ruzullaili berkata, sepanjang tiga bulan nelayan tidak dapat turun ke laut, lazimnya masing-masing menjalankan pekerjaan lain contohnya tukang runah dan bekerja

kampung. "Macam saya sendiri, tiga bulan bercuti dari turun ke laut saya manfaatkan sebagai tukang rumah dan dapatlah sedikit sebanyak menampung kos hidup menyara keluarga," katanya.

Bagi Mat Wi Mat, 59, pula su-



Nelayan bergotong-royong menarik perahu kolek menggunakan tali ke daratan susulan musim tengkujuh kini melanda negeri Pantai Timur, di Kampung Pulau Gajah di Pantai Sabak, Pengkalan Chepa, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

dah seminggu dia tidak turun ke laut kerana keadaan laut yang bergelombang, selain faktor cuaca yang tidak menentu.

Dia yang sudah lebih 40 tahun menjadi nelayan berkata, ketika

saan musim tengkujuh, nelayan akan mengambil peluang membaiki pukai dan membaiki bot atau perahu.

"Memang agak terjejas sedikit dari segi pendapatan tapi

mujurlah kami menerima elaun sara hidup nelayan (ESHN) dari kerajaan sebanyak RM300 sebulan yang dapat dimanfaatkan sepanjang empat bulan tidak dapat turun ke laut," katanya.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		10	19.11.2023



Harga kembong, siakap, bawal alami penurunan

Kuala Lumpur: Harga ikan di ibu negara mengalami penurunan dan tidak berdepan masalah dari segi bekalan walaupun Musim Timur Laut atau musim tengkujuh di negara ini bermula pada 11 November.

Peniaga ikan, Tata Aruan Hasimuddin Aruan, 20, berkata, pihaknya menjual beberapa jenis ikan pada harga berpatutan kerana memperoleh bekalan yang banyak daripada pembekal.

Katanya, antara ikan yang mengalami penurunan harga adalah seperti kembong, siakap dan bawal.

"Sebelum ini saya menjual satu kilogram (kg) ikan kembong berharga RM14, tetapi hari ini turun sehingga RM8.

"Bagi ikan bawal, sebelum ini dijual pada harga RM22 tetapi hari ini dijual antara RM20 sehingga ke RM15 bergantung kepada saiz.

"Manakala ikan siakap dua bulan lepas saya jual RM18 tetapi sekarang RM13," katanya ketika ditemui Harian Metro di Pasar Chow Kit, semalam.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) sebelum ini meramalkan Musim Timur Laut atau mu-

sim tengkujuh di negara ini dijangka bermula pada 11 November ini dan berterusan sehingga Mac 2024.

(MetMalaysia) berkata, dalam tempoh ini, empat hingga enam episod hujan lebat bakal berlaku.

Seorang lagi peniaga ikan, Redo Wahyudi, 28, turut sependapat harga ikan yang dijual pada masa ini mengalami penurunan.

Katanya, ikan seperti kembong dan sardin dijual olehnya dengan harga yang berpatutan disebabkan ia banyak di pasaran.

Redo berkata, dia menjual ikan kembong sebelum ini berharga RM10 tetapi kini dijual pada harga RM9 iaitu penurunan sebanyak RM1.

Bagi ikan sardin katanya, dia menjual RM10 sekilogram berbanding RM12 sebelum ini.

"Rata-rata harga ikan mengalami penurunan walaupun sekarang musim hujan tetapi ikan masih senang nak dapat daripada pembekal," katanya.

Pengguna, Nur Fairus Jaafar Sidek, 39, juga menyatakan harga ikan yang dijual di pasaran dilihat murah berbanding sebelum ini.